

'Malaysia MADANI bukan retorik'

mls: 8

BH-30/11/2023

Rakyat diminta ketepi fahaman politik demi capai matlamat gagasan

Ipoh: Konsep Malaysia MADANI yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bukan sekadar retorik atau slogan semata-mata.

Justeru, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata semua pihak perlu memahami makna di sebaliknya konsep itu yang seterusnya mampu memberi kesan perubahan kepada rakyat secara menyeluruh.

"Semua pihak perlu berganding bahu dalam menjayakan agenda itu. Perbezaan fahaman politik harus diketepikan dan bersama membangunkan negara selari 'Malaysia MADANI'.

"Apa yang kita namakan, kita tidak mahu ia hanya sekadar kata-kata atau hanya slogan.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita



Dr Wan Azizah (kanan) pada majlis perasmian KOBAR dan pelancaran SMAT di Jalan Raja Kampung Manjoi, Ipoh, semalam. (Foto BERNAMA)

hendak merasakan impak konsep Malaysia Madani itu, terutama di Parlimen Tambun ini yang menjadi kawasan Parlimen Perdana Menteri yang menjadi contoh dan penanda aras kepada seluruh Perak dan Malaysia khususnya," katanya.

Rasmi KOBAR

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kompleks Pendidikan Baitul Ridzuan (KOBAR) dan pelancaran Sekretariat Masyarakat Madani Tambun

(SMAT) anjuran Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) di Jalan Raja Kampung Manjoi, di sini, semalam.

Perdana Menteri baru-baru ini memperkenalkan konsep Malaysia MADANI sebagai usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.

Madani itu diacu berteraskan enam rukun iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

BERNAMA